

## **Ciri Kepercayaan Zaman Prasejarah Dan Animisme : Penilaian Semula Buku Teks Sejarah Mengikut Perspektif Islam**

**(*Features Of Beliefs And Animism In Prehistoric Period: Re-Evaluation Of History Textbooks According To Islamic Perspective*)**

Khairulnazrin Nasir\*, Khader Ahmad\*\*

### **Abstrak**

Pelbagai teori tentang ciri kepercayaan manusia yang wujud pada zaman prasejarah. antara teori yang terkenal ialah teori animisme. Ia dipelopori Edward Burnett Tylor, yang digelar bapa antropologi. Animisme bermaksud suatu kepercayaan semua perkara di alam ini mempunyai roh dan semangat. Teori ini disisip masuk dalam buku-buku sejarah, antaranya Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia. Artikel ini bertujuan memberikan penilaian dan penjelasan semula tentang ciri kepercayaan manusia pada zaman prasejarah berpandukan perspektif Islam. Metode yang digunakan adalah kajian perpustakaan dengan penerapan elemen deskriptif dan kritikal. Dapatkan kajian mendapati bahawa ciri kepercayaan manusia zaman prasejarah adalah tauhid, bukan animisme. Justeru itu, maklumat dalam buku teks berkenaan perlu dinilai semula, dengan menerapkan data sejarah Islam.

**Kata Kunci:** Islam, Animisme, Kepercayaan, Buku Teks, Prasejarah.

### **Abstract**

*Various theories on the characteristics of human beliefs existed in prehistoric period. Among the well-known theories is the theory of animism. One of the prominent scholars in animism is Edward Burnett Tylor, who is also known as the father of anthropology. Animism is a belief that everything in this world possesses soul and spirit. This theory is incorporated in the history books and one of them is the Form One History textbook, published by the Ministry of Education Malaysia. This article purports to provide an assessment and re-elaboration of the characteristics of human beliefs in prehistoric period based on Islamic perspectives. The method used was the library research with the application of descriptive and critical elements. The finding showed that the characteristic of human belief during prehistoric period was tauhid and not animism. Hence, the information in the textbook should be revised, by implementing the Islamic historical data.*

**Keywords:** Islam, Animism, Belief, Textbook, Prehistoric

---

\* Khairulnazrin Nasir, Phd candidate, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies University of Malaya , Kuala Lumpur. Email: [khairulnazrin19@gmail.com](mailto:khairulnazrin19@gmail.com)

\*\* Khader Ahmad, Phd candidate, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies University of Malaya , Kuala Lumpur. Email: [khairulnazrin19@gmail.com](mailto:khairulnazrin19@gmail.com)

## Pengenalan

Kepercayaan ditakrifkan sebagai perakuan bahawa benarnya sesuatu perkara. Seseorang yang membenarkan sesuatu perkara, pada kebiasaannya memiliki suatu tahap kepastian mengenai perkara berkenaan.<sup>1</sup> Dalam konteks ilmu psikologi, kepercayaan adalah suatu keadaan jiwa yang memiliki kecenderungan dan sikap berkedudukan-memihak (*propositional attitude*). Ia melibatkan penuntutan, penekanan, dan jangkaan daripada seseorang individu tentang kebenarannya. Kebenaran yang dituntut itu mungkin sahih, dan mungkin palsu secara objektif, tetapi bagi individu yang berkenaan ia adalah sahih.<sup>2</sup> Manakala kepercayaan dalam konteks agama pula menjadi teras kepada pembangunan moral, dan ia dikenali sebagai agama.<sup>3</sup>

Sesuatu perkara yang telah dipercayai menjadi suatu keyakinan, tidak mudah terurai oleh pengaruh mana pun sama ada dari dalam atau dari luar diri seseorang.<sup>4</sup> Insan dicipta dengan memiliki akal dan fitrah. Maka, keadaan itu menyebabkan mereka beradaptasi dengan keadaan sekeliling, sehingga mereka membuat suatu pendirian dan kepercayaan. Sementara itu, kepercayaan dalam Islam dikenali dengan beberapa istilah, terutamanya adalah akidah.<sup>5</sup>

Teori animisme telah diketengahkan sebagai ciri kepercayaan generasi awal bagi manusia. Secara amnya, animisme merujuk kepada kepercayaan manusia terhadap kuasa alam, seperti kilat, guruh, gunung berapi, hujan dan sebagainya. Manusia zaman prasejarah menghormati fenomena tersebut sehingga munculnya pelbagai ritual penyembahan. Dalam pada itu, teori ini telah diserapkan sebagai sukatan dalam mata pelajaran Sejarah, khususnya dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Maka, persoalan signifikan adalah apakah bentuk kepercayaan dalam kalangan manusia yang wujud pada zaman prasejarah menurut Islam? Adakah benar animisme merupakan ciri utama kepercayaan manusia pada zaman tersebut seperti yang dinyatakan dalam buku-buku sejarah? Justeru, tulisan ini adalah suatu inisiatif bagi membuat penilaian semula kenyataan itu berdasarkan perspektif agama Islam.

## Metodologi dan Skop

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini secara kualitatif, berasaskan kajian perpustakaan. Rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, akhbar dan seumpamanya. Sementara buku sejarah yang menjadi tumpuan tulisan ini adalah Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, cetakan kedua, pada tahun 2017. Di samping itu, tumpuan penilaian semula hanya melibatkan kandungan buku teks berkaitan ciri kepercayaan manusia pada zaman prasejarah semata-mata. Perbincangan menerapkan elemen deskriptif, komparatif dan kritikal. Pada akhir kajian, penulis berusaha mengemukakan titik persamaan dan perbezaan antara dua perspektif, iaitu sejarah Islam dan teori sarjana Barat.

<sup>1</sup> Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1181 entri “kepercayaan”

<sup>2</sup> Jaszczołt, Katarzyna. "Discourse, beliefs, and intentions: Semantic defaults and propositional attitude ascription." (1999).

<sup>3</sup> Al-Banna, Hasan. "Aqidah Islam." Bandung: Al-Ma'arif (1983), al-Atsari, AA Hamid. *Intisari Aqidah Ahlussunnah wal Jama'ah* (Niaga Swadaya, 2006).

<sup>4</sup> İbrahim Muştafa et. al., *al-Mu'jām al-Wasīṭ* (Kaherah, Majma' al-Kughah al-'Arabiyyah, t.t), 2: 614.

<sup>5</sup> Al-Atharī, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Ḥamīd, *al-Wajīz fī Aqīdat al-Salaf al-Ṣāliḥ* (Istanbul: Maktabat al-Għurabā', 1435 H), 30.

## **Manusia Pada Zaman Prasejarah**

Perjalanan episod sejarah kehidupan di permukaan bumi telah melalui suatu tempoh yang lama dan mengalami pelbagai perubahan, seterusnya memberi impak besar kepada fizikal, iklim, cuaca dan kehidupan sama ada di daratan atau lautan. Dunia telah mengalami peredaran masa dan melalui beberapa fasa. Zaman paling awal dikenali sebagai Zaman Air Batu, iaitu kebanyakan lokasi di dunia diliputi dengan ais. Digambarkan hanya binatang dan tumbuhan tertentu yang hidup pada zaman ini, yang masih mengalami ketidakstabilan iklim dan cuaca.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, buku sejarah tidak merakamkan kewujudan kehidupan manusia pada Zaman Air batu Awal. Manusia dikatakan wujud pada zaman Air Batu Akhir atau zaman Paleolitik.<sup>7</sup>

Istilah zaman Prasejarah pula merujuk kepada generasi manusia yang belum mengetahui dan mengenali tulisan.<sup>8</sup> Justeru itu, anggaran tempoh masa dan peringkat zaman Air Batu dan Zaman Prasejarah dipaparkan serupa dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Tempoh Masa Zaman Air batu dan Zaman Prasejarah

Zaman	Jangka Masa
Zaman Air Batu	Zaman Miosen
	Zaman Pitosen
	Zaman Pleistosen
	Zaman Holosen (Zaman Air Batu Akhir)
Zaman Prasejarah	Paleolitik
	Zaman Batu
	Mesolitik
	Neolitik
	Zaman Logam

Sumber: Buku Teks<sup>9</sup>

## **Animisme Sebagai Ciri Utama Kepercayaan Zaman Prasejarah**

Ahli antropologi berbeza pendapat dalam menentukan bentuk kepercayaan terawal yang wujud dalam kalangan manusia pada zaman prasejarah. Teori paling terkenal ialah manusia silam menganut kepercayaan animisme. Teori ini telah diperkenalkan pada tahun 1871 oleh Edward Burnett Tylor dalam bukunya “Primitive Culture”. Menurut Tylor, animisme adalah “*the general doctrine of souls and other spiritual beings in general.*” (kepercayaan tentang

<sup>6</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, cet-2 (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017), 26. Lihat juga CLIMAP Project Members. “The Surface of the Ice-Age Earth.” *Science* (1976): 1131-1137, Grove, Jean M. The Little Ice Age. (London: Routledge, 2012), Straus, Lawrence Guy, et al., eds. *Humans at the end of the Ice Age: The archaeology of the Pleistocene-Holocene transition*. Springer Science & Business Media, 1996.

<sup>7</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, 46. Lihat juga Wobst, H. Martin. “Boundary conditions for Paleolithic social systems: a simulation approach.” *American Antiquity* 39, no. 2Part1 (1974): 147-178.

<sup>8</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, 46

<sup>9</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, 24 dan 47. Lihat juga Alexander, Franz G., dan Sheldon T. Selesnick, “The History of Psychiatry: An Evaluation of Psychiatric Thought and Practice from Prehistoric Times to the Present.” (1966).

roh dan semangat). Jelas Tylor, animisme adalah merujuk kepada suatu doktrin bahawa segala sesuatu yang ada di dunia ini semuanya bernyawa dan memiliki jiwa atau roh.<sup>10</sup> Animisme diertikan sebagai suatu agama yang ringkas<sup>11</sup> dan mempunyai nilai-nilai kesucian, mistik dan kepercayaan kepada alam ghaib.<sup>12</sup> Tylor turut mendakwa bahawa animisme adalah kepercayaan terawal bagi manusia primitif dan ia adalah teras kepada semua agama dan kepercayaan lain. Sementara itu, generasi manusia purbakala atau kuno, digambarkan hidup secara primitif dan melalui proses yang lama untuk mencapai ke suatu tahap sehingga dianggap bertamadun.<sup>13</sup>

Merujuk kepada topik 3.3 dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, bertajuk “Ciri-ciri Kehidupan Manusia Pada Zaman Prasejarah”, ciri yang paling menonjol dapat dilihat pada tempat kediaman, peralatan, peralatan aktiviti pengumpulan makanan, kegiatan ekonomi, organisasi sosial, kepercayaan serta kesenian dan kebudayaan. Fokus penulis hanya kepada penerangan tentang aspek kepercayaan yang terdapat dalam tempoh berkenaan. Terdapat pernyataan bahawa kepercayaan manusia pada Zaman Prasejarah adalah kepercayaan berkenaan kuasa alam.<sup>14</sup> Petikannya adalah seperti berikut:

*Paleolitik: Manusia pada zaman ini mengamalkan animisme dan kepercayaan alam semula jadi yang menentukan kehidupan mereka percaya pada kuasa alam semula jadi seperti petir kilat angin hujan dan matahari selain itu setiap objek yang terdapat di sekeliling mereka seperti pokok batu bukit sungai dan laut dipercayai mempunyai kuasa*

*Mesolitik: Manusia masih percaya kepada kuasa alam termasuk pokok dan matahari zaman mesolitik manusia pada zaman ini masih mengamalkan kepercayaan animisme.*

*Neolitik: Manusia pada zaman ini melakukan ritual bagi mewujudkan perdamaian dengan kuasa alam dan amalan penyembahan mula dilakukan wujud kepercayaan kehidupan selepas mati dan mayat akan diuruskan dengan teliti serta dikebumikan dengan sempurna*

*Zaman Logam: Penyembahan manusia terhadap kuasa alam semakin jelas binaan khusus telah diwujudkan bagi upacara ritual dan menyempurnakan kepercayaan mereka.<sup>15</sup>*

<sup>10</sup> Edward Burnett Tylor. *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom.* (London: John Murrey, 1871)

<sup>11</sup> Bird-David, Nurit. "“Animism” revisited: personhood, environment, and relational epistemology." *Current Anthropology* 40, no. S1 (1999): S67-S91, Harvey, Graham. *Animism: Respecting the living world.* (Wakefield Press, 2005), Looft, William R., and Wayne H. Bartz. "Animism revived." *Psychological Bulletin* 71, no. 1 (1969): 1 dan Russell, Roger W. "Studies In Animism: II. The Development Of Animism." *The Pedagogical Seminary and Journal of Genetic Psychology* 56, no. 2 (1940): 353-366, Stocking Jr, George W. "Animism in Theory and Practice: EB Tylor's Unpublished'Notes on" Spiritualism"." *Man* (1971): 88-104,

<sup>12</sup> Rsheim, Giza. *Animism, Magic, And The Divine King.* Cosimo, Inc., 2005.

<sup>13</sup> Al-Sāmūk, Sa‘dūn Maḥmūd, *Mawsū‘at al-Adyān wa al-Mu‘taqadāt al-Qadīmah* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2002), 28.

<sup>14</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, 57.

<sup>15</sup> *Ibid.*

Di samping itu, buku teks ini juga menyatakan bahawa ciri kepercayaan zaman prasejarah di kawasan Asia Tenggara, khususnya di negara ini turut berorientasikan kepercayaan animisme. Turut Dinyatakan bahawa bukti tinggalan masyarakat Zaman Prasejarah di negara ini juga ditemukan melalui penemuan ideofak di beberapa tapak perkuburan manusia pada zaman tersebut mengamalkan kepercayaan dan memberikan penghormatan kepada orang mati. Bukti penemuan ideofak ini menjelaskan cara hidup masyarakat ketika itu. Justeru itu, kepercayaan manusia Zaman Prasejarah di negara ini tidak banyak berbeza dengan kepercayaan manusia prasejarah di kawasan-kawasan lain.<sup>16</sup>

Kaedah pembuktian yang digunakan bagi menyatakan kerangka kepercayaan manusia zaman prasejarah adalah penemuan bahan tinggalan sejarah, iaitu artifak dan ekofak<sup>17</sup> yang menjadi tumpuan ahli arkeologi. Berdasarkan penelitian terhadap buku teks berkenaan, penulis merumuskan jenis bahan bukti dan lokasinya seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Jenis Pembuktian Kepada Kepercayaan Manusia

No.	Jenis Pembuktian	Lokasi
1	Tempat diadakan upacara ritual	1. Gobekli Tepe, Turki 2. Stonehenge, Britain
2	Tanak kubur	1. Kubur pada Zaman Logam di India
3	Lukisan dan lakaran pada dinding gua	1. Gua Chauvet, Perancis. 2. Gua di Altamira, Sepanyol
4	Batu Megalit	1. Batu megalit di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan 1. Pengebumian memanjang di Gua Cha Kelantan 2. Pengebumian melentur gua Gunung runtuh Perak 3. Pengebumian keranda kayu di Pantai Timur Sabah 4. Kubur kepingan batu di Lembah Bernam Selangor 5. Pengebumian perahu Kuala Selinsing Perak 6. Pengebumian tempayan di Sabah, Sarawak dan Kampung Limbongan Terengganu
5	Kaedah pengebumian	


Sumber: Buku Teks<sup>18</sup>

Daripada paparan tentang ciri kepercayaan manusia Zaman Prasejarah, secara umumnya, dapatlah dirumuskan bahawa manusia ketika itu dipercayai menganut animisme dan pemujaan kuasa alam. Dalam pada itu, dipercayai manusia pada zaman itu meyakini bahawa alam sekitar mempunyai semangat dan tenaga yang perlu dihormati (dinamisme). Mereka juga mempercayai tentang dimensi lain yang bakal dihadapi selepas mati, sehingga menyebabkan mereka membuat pelbagai kaedah pengebumian sebagai persiapan ke alam akhirat. Hasilnya, mereka telah melakukan pelbagai ritual untuk menghormati alam sekitar atau memuja roh nenek moyang.

<sup>16</sup> *Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu*, 69.

<sup>17</sup> Artifak adalah bahan dan alat yang ditinggalkan oleh manusia silam, dan mempunyai nilai sejarah. Ekofak adalah bukti tinggalan data arkeologi yang menjadi petunjuk kepada wujudnya kegiatan budaya manusia di sesuatu kawasan, seperti bekas pembakaran, sisa kering, debungan tumbuhan, arang dan tulang binatang. Lihat *Buku Teks Sejarah*, 48

<sup>18</sup> *Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu*, 46-69. Lihat juga Brown, Linda A., and William H. Walker. "Prologue: archaeology, animism and non-human agents." *Journal of Archaeological Method and Theory* 15.4 (2008): 297-299.



Oleh yang demikian, persoalan signifikan di sini adakah apa yang diutarakan dalam buku teks ini tentang sejarah generasi awal manusia sejajar dengan sejarah dan ajaran Islam? Maka, tulisan ini berusaha membuat penilaian semula bagi menerangkan bahawa wujudnya suatu kontradiksi yang sangat ketara antara Islam dan kenyataan ahli antropologi.

### Ciri Kepercayaan Manusia Zaman Prasejarah Menurut Islam

Bagaimanakah bentuk kepercayaan terawal dalam sejarah kehidupan manusia? Prakarsa mencari jawapan kepada persoalan ini pastinya bermula dengan merujuk kepada asal-usul penciptaan manusia dan generasi manusia terawal. Sebagai Muslim, beriktikad bahawa proses kejadian manusia dan sejarah silam adalah suatu perkara ghaib. Ia tidak mampu dicapai secara tuntas melainkan dengan merujuk kepada wahyu al-Quran dan hadith.

Tumpuan perbincangan tulisan ini adalah untuk mengemukakan perspektif dan pendirian Islam terhadap mauduk tersebut. Justeru, penulis merumuskan perspektif Islam kepada aspek-aspek berikut:

#### i) *Nabi Adam a.s. adalah manusia pertama yang mentauhidkan Allah s.w.t*

Titik vital dalam sejarah kehidupan manusia di bumi adalah kewujudan manusia pertama, iaitu Adam a.s. dan isterinya Hawa a.s. Makhluk manusia adalah berasal daripada keturunan pasangan ini. Allah s.w.t telah menjelaskan hakikat ini dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تَفْسِيرٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رَجُالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada jiwa yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya, zuriat keturunan, lelaki dan perempuan yang ramai. (Al-Nisā' 4: 1).

Menurut ahli tafsir, jiwa yang satu itu ialah Adam a.s, dan pasangannya adalah merujuk kepada Hawwā a.s.<sup>19</sup> Sementara itu, hadith nabawi turut memperkuuhkan kenyataan ini seperti yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَا آدُمُ أَنْتَ أَبُو الْبَشَرِ حَلَقَ اللَّهُ يَبِيهُ وَنَعَّخَ فِيكَ مِنْ رُوحِهِ وَأَمَرَ الْمَلَائِكَةَ فَسَجَّدُوا لَكَ

Terjemahan: (Manusia berkata pada hari Kiamat) Wahai Adam, tuan adalah bapa kepada manusia. Allah telah menciptakan tuan dengan tangan-Nya,

<sup>19</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr bin 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* ed. Sāmī bin Muhammad Salāmah (Riyād: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999), 2: 206 dan al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī al-Yamānī, *Fath al-Qadīr* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1994), 1: 479.

dan meniupkan ke dalam diri tuan daripada roh-Nya, dan memerintahkan para malaikat, lalu mereka bersujud kepada tuan (tanda hormat).<sup>20</sup>

Hadith di atas menyatakan bahawa gelaran Nabi Adam a.s. adalah bapa manusia, dan induk kepada manusia sejagat. Menurut al-Safīrī (2004), Adam a.s. adalah bapa manusia, nabi yang pertama dan Muslim pertama yang mentauhidkan Allah s.w.t.<sup>21</sup> dalam pada itu, hadith turut menyatakan bahawa Adam a.s. adalah seorang nabi. Abū Umāmah al-Bāhilī r.a. meriwayatkan bahawa beliau mendengar seorang lelaki bertanya Rasulullah s.a.w:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَّى كَانَ آدُمُ؟ قَالَ: نَعَمْ، مُكَلَّمٌ

Terjemahan: Wahai Rasulullah, adakah Adam itu seorang nabi? Baginda menjawab, “Dia seorang nabi dan *mukallam* (berbicara dengan Allah s.w.t secara langsung).”<sup>22</sup>

Berdasarkan hadith di atas, jelaslah bahawa Nabi Adam a.s. adalah seorang nabi dan menyembah Allah s.w.t, mengajarkan tauhid dan cara beribadah kepada anak dan keturunannya. Justeru itu, ditegaskan bahawa manusia keseluruhannya lahir daripada keturunan Nabi Adam a.s. Pada titik ini kesemua pengikut agama samawi seperti Islam, Yahudi dan Kristian bersepakat bahawa manusia berasal daripada Nabi Adam a.s.<sup>23</sup> Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pengikut agama-agama tersebut yang cenderung kepada pendapat ahli falsafah dan penganut ateisme. tidak mempercayai kewujudan tuhan dan alam ini wujud secara semula jadi. Menurut Muhammad Zakariyyā, ajaran agama samawi menyatakan bahawa asal kepercayaan dan bentuk akidah manusia terawal adalah tauhid (monoteisme). Manakala syirik (politeisme) adalah sesuatu yang baru dan muncul pada peringkat terkemudian.<sup>24</sup>

## **ii) Tauhid dan ketamadunan manusia antara Adam a.s dan Nuh a.s.**

Al-Qurṭubī memetik pendapat Ibn ‘Abbās r.a. yang menjelaskan bahawa ketika Adam a.s. wafat, keturunannya pada waktu itu mencecah 40 ribu orang. Terdapat dalam kalangan anak Nabi Adam a.s yang menjalankan kegiatan bercucuk tanam seperti Qābīl dan menternak binatang seperti Hābil. Memenuhi tabiat manusia, maka timbulnya pelbagai pergolakan dan

<sup>20</sup> Hadith riwayat al-Bukhāri, Muslim, al-Trimidhī, al-Nasā’ī dalam al-Sunan al-Kubrā dan Ahmad daripada pelbagai jalur riwayat, daripada Abū Zur’ah bin ‘Amr bin Jarīr daripada Abū Hurayrah r.a. secara *marfū*. Teks hadith adalah menurut riwayat Muslim. Lihat al-Bukhāri, *Šaḥīh al-Bukhārī*, 4: 134 (no. hadith 3340), Muslim, *Šaḥīh Muslim*, 1: 194 (no. Hadith 327), al-Tirmidhī, *Jāmī*, *al-Tirmidhī*, 4: 200 (no. hadith 2434), al-Nasā’ī, *Sunan al-Kubrā*, 10: 100 (no. hadith 11122), dan Ahmad, *Musnad Ahmad*, 1: 193 (no. hadith 15).

<sup>21</sup> Al-Safīrī, Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin Ahmad al-Šhāfi’ī, *al-Majālis al-Wa’zīyyah fī Sharḥ Ahādīth Khayr al-Bariyyah mon Šaḥīh al-Imām al-Bukhārī* ed. Ahmad Fathi ‘Abd al-Rahmān (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 1: 62.

<sup>22</sup> Hadith riwayat Ibn Hibbān, al-Tabrānī dan al-Hākim daripada jalur riwayat Zayd bin Sallām, daripada Abū Sallām, daripada Abū Umāmah R.A. Hadith ini telah dinilai sebagai sahih oleh Shu’ayb al-Arnāūt. Lihat Ibn Hibbān, (no. hadith 6190), al-Tabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr* (no. hadith 7545), dan al-Hākim, *al-Mustadrak*, 2: 262, Ahmad, *alMusnad* ed. Al-Arnāūt, 36: 620.

<sup>23</sup> Kvam, K. E., Scheering, L. S., & Ziegler, V. H. (Eds.). *Eve and Adam: Jewish, Christian, and Muslim readings on Genesis and gender*. (Indiana University Press, 1999)

<sup>24</sup> Abū Bakr, Muḥammad Zakariyyā, *al-Shirk fī al-Qadīm wa al-Hadīth* (Riyāḍ: Maktabat al-Rushd, 2001), 181.

krisis dalam soal kehidupan mereka, sehingga membawa kepada pertumpahan darah (QS al-Māidah 5: 27-51).<sup>25</sup>

Walau bagaimanapun, Adam a.s. dan keturunannya masih menyembah Allah s.w.t. dan kekal dalam tauhid. Umat manusia dalam tempoh tersebut masih berada di atas landasan hidayah. Menurut Ibn ‘Abbās r.a, selang beberapa tempoh, syirik atau politeisme telah muncul, lalu Allah s.w.t mengutus para nabi dan rasul bagi membawa berita gembira dan ancaman.<sup>26</sup> Allah s.w.t. telah mengutus Nuh a.s. untuk menghadapi syirik pertama dalam sejarah manusia. Abū Umāmah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. ditanya:

فَكُمْ كَانَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ نُوحٍ ؟ قَالَ: عَشَرَةُ قُرُونٍ

Terjemahan: (Lelaki itu bertanya) maka berapakah tempoh antara Nabi Adam a.s. dan Nūh a.s? Baginda menjawab, “10 kurun.”<sup>27</sup>

Al-Ṭabarī menukilkan pendapat Ibn ‘Abbās r.a, ‘Ikrimah dan Qatādah, bahawa manusia berada dalam tauhid sejak zaman Nabi Adam a.s. hingga zaman Nabi Nuh a.s.<sup>28</sup> Menurut Ibn Kathīr, manusia ketika itu berada di atas suatu agama yang satu, iaitu Islam sehingga manusia menyembah berhala. Maka Allah s.w.t. mengutus Nuh a.s.<sup>29</sup>

### iii) Animisme pertama hanya muncul pada zaman Nuh a.s.

Nuh a.s. adalah rasul pertama yang diutus untuk menghadapi kemelut akidah pertama yang muncul dalam sejarah manusia. Kaum Nabi Nuh a.s. mempercayai animisme dalam kerangka *ancestor worship* (penyembahan leluhur). Patung dan arca telah dibina untuk mengenangkan tokoh agama dan nenek moyang yang soleh dan keramat. Bagi menjelaskan perkara ini, Ibn ‘Abbās r.a, berkata:

صَارَتِ الْأَوْثَانُ الَّتِي كَانَتْ فِي قَوْمٍ نُوحٍ فِي الْعَرَبِ... أَسْمَاءُ رِجَالٍ صَالِحِينَ مِنْ قَوْمٍ نُوحٍ فَلَمَّا  
هَلَكُوا أُوْحِيَ الشَّيْطَانُ إِلَى قَوْمِهِمْ، أَنِ انْصِبُوا إِلَى مَجَالِسِهِمُ الَّتِي كَانُوا يَجْلِسُونَ أَنْصَابًا وَسُوْهَا  
بِأَسْمَائِهِمْ، فَفَعَلُوا فَلَمْ تُعْبَدْ حَتَّى إِذَا هَلَكَ أُولَئِكَ وَتَنَسَّخَ الْعِلْمُ عِبْدَتْ

Terjemahan: Berhala-berhala yang dahulunya dalam kaum Nūh, setelah itu berada dalam kalangan orang-orang Arab. (Semua nama berhala-berhala itu) adalah nama orang-orang soleh daripada kaum Nabi Nūh a.s. Tatkala

<sup>25</sup> Al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* ed. Aḥmad al-Bardūnī (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)

<sup>26</sup> Athar diriwayatkan oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam tafsirnya dan al-Ḥākim dalam al-Mustadrak daripada Ibn ‘Abbās. Al-Ḥākim menyatakan bahawa athar ini bertepatan dengan syarat al-Bukhārī dan dipersetujui oleh al-Dhahabī. Lihat al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 4: 275 dan al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, 2: 480.

<sup>27</sup> Hadith riwayat Ibn Ḥibbān, al-Ṭabrānī dan al-Ḥākim daripada jalur riwayat Zayd bin Sallām, daripada Abū Sallām, daripada Abū Umāmah R.A. Hadith ini telah dinilai sebagai sahih oleh Shu’ayb al-Arnāūṭ. Lihat Ibn Ḥibbān, (no. hadith 6190), al-Ṭabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr* (no. hadith 7545), dan al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 2: 262, Aḥmad, *al-Muṣnād* ed. Al-Arnāūṭ, 36: 620.

<sup>28</sup> Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān* ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (Beirut: al-Muassasah al-Risālah, 2000)

<sup>29</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘il bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyāḍ: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī, 1999)

mereka meninggal dunia, maka syaitan membisikkan kepada kaum mereka, “Binalah arca-arca dalam majlis-majlis mereka dan namailah (arca-arca itu) dengan nama-nama mereka.” Akhirnya, mereka melakukan hal itu. Meskipun begitu, berhala-berhala itu belum disembah sehingga kaum (generasi yang membangun berhala-berhala itu) telah meninggal dunia dan ilmu telah sirna, maka berhala-berhala itu akhirnya disembah.<sup>30</sup>

Menurut al-Qurtubī dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, kaum Nuh a.s. menyembah berhala yang merupakan simbolik kepada orang-orang soleh yang telah meninggal dunia pada zaman mereka, iaitu Wadd, Suwā‘, Yaghūth, Ya‘ūq dan Nasr (QS Nūḥ 71: 23).<sup>31</sup> Al-Kashmīrī menukilkan daripada al-Wāqidī, bahawa arca Wadd berupa lelaki, Suwa‘ berupa perempuan dan Yaghūth dibentuk menyerupai singa. Ya‘ūq pula dibentuk sebagai kuda dan Nasr berupa burung hering. Arca-arca yang disembah oleh kaum Nuh AS kemudiannya disembah oleh suku-suku Arab sebagaimana yang dinyatakan dalam *athar* Ibn ‘Abbās r.a.<sup>32</sup>

Menurut Ibn Taymiah, para penyembah berhala percaya bahawa ia adalah simbolik kepada planet-planet di langit, tingkatan orbit dan roh-roh di langit. Sebahagian yang lain menjadikannya sebagai replika kepada tokoh-tokoh dalam kalangan mereka seperti para nabi dan orang-orang soleh. Selain itu, ada yang menganggapnya sebagai gambaran kepada roh-roh di alam bawah, daripada kalangan jin dan syaitan, sementara sekelompok lain dengan pandangannya tersendiri. Justeru itu, Allah s.w.t. mengutus Nabi Nūḥ a.s. untuk menyeru mereka supaya menyembah Allah s.w.t. semata-mata tanpa sebarang sekutu dan menegah mereka daripada menyembah selain-Nya. Selepas Nuh a.s., rasul demi rasul diutus kepada umat manusia.<sup>33</sup>

#### **iv) Faktor dalaman boleh mengubah fitrah asal manusia**

Akidah Islam menyatakan bahawa manusia telah memeterai perjanjian (*al-mīthāq*) untuk tidak menyekutukan Allah s.w.t. sejak mereka berada di alam roh. Natijah daripada perjanjian itu, manusia telah dibekalkan maklumat untuk mempercayai kewujudan tuhan. Firman Allah s.w.t:

وَإِذْ أَخَذَ رِبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرِّيَّكُمْ قَالُوا  
بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya

<sup>30</sup> Āthār diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Ibrāhim bin Mūsa daripada Hishām bin Yūsuf al-Šāfi‘ī daripada Ibn Jurayj. Dia berkata: berkata Aṭā’, berkata Ibn ‘Abbās R.A. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6: 160 (no. hadith 4920).

<sup>31</sup> Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Ahmad bin ‘Ali, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifa, 1960) dan al-Qurtubī, Muhammad bin Aḥmad, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* ed. Aḥmad al-Bardūnī (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)

<sup>32</sup> Al-Kashmīrī, Muhammad Anwar Shāh, *Fayḍ al-Bārī ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muḥammad Badr ‘Ālam al-Mīrathī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005)

<sup>33</sup> Ibn Taymiah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm, *Majmū‘al-Fatāwā* (Madinah: Mujammā‘al-Malik Fahd, 1995)

dengan firmanNya): Bukankah Aku tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini. (al-A'rāf 7: 172).

Menurut Ibn Kathīr, Allah s.w.t telah mengeluarkan keturunan Adam a.s dan dilahirkan dalam keadaan mengakui bahawa Allah s.w.t adalah tuhan mereka, dan tiada tuhan yang layak disembah melainkan-Nya secara fitrah. Namun, sifat itu telah hilang kerana sikap alpa (*al-ghaflah*).<sup>34</sup> Sementara itu, Anas bin Mālik r.a meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى لِأَهْوَنِ أَهْلِ النَّارِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ: لَوْ أَنَّ لَكَ مَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَيْءٍ  
أَكُنْتَ تَفْتَدِي بِهِ؟ فَيَقُولُ: نَعَمْ، فَيَقُولُ: أَرْدَثْ مِنْكَ أَهْوَنَ مِنْ هَذَا وَأَنْتَ فِي صُلْبِ آدَمَ،  
أَنْ لَا تُشْرِكَ بِي شَيْئًا، فَأَبَيْتَ إِلَّا أَنْ تُشْرِكَ بِي.

Terjemahan: Allah s.w.t berfirman kepada ahli neraka yang paling ringan azabnya, “Seandainya kamu mempunyai dunia dan segala isinya, adakah kamu akan menebus azab ini dengannya?” Dia menjawab, “Ya.” Maka (Allah s.w.t) berfirman kepadanya, “Aku telah menginginkan daripada kamu apa yang lebih ringan daripada ini sejak kamu masih dalam tulang sulbi Adam, iaitu supaya dikehendaki kamu tidak menyekutukan-Ku. Maka kamu enggan melainkan (memilih) untuk menyekutukan-Ku.”<sup>35</sup>

Hadith di atas menyatakan bahawa manusia pada asalnya mengakui keesaan Allah s.w.t. dan mentauhidkan-Nya sejak mereka di alam roh. Hadith juga menyatakan bahawa manusia itu sendiri memilih untuk menyimpang dari kebenaran dan menyekutukan Allah s.w.t. Manusia itu mengenal Tuhan bukan hasil daripada pelajaran atau pengalaman, tetapi pengetahuan itu sudah ada tertanam dalam dirinya sendiri. Selepas Nabi Adam a.s diciptakan, baginda sudah mengenal dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Inilah agama yang benar di sisi Allah s.w.t, bukan suatu kesimpulan daripada peredaran kemajuan dan kebudayaan manusia.<sup>36</sup>


Di samping wujudnya pengaruh-pengaruh luar, watak, sikap dan sifat manusia itu sendiri juga memainkan peranan dalam menentukan hala tuju insan dalam kehidupannya. Terdapat beberapa faktor dalaman yang menyebabkan insan itu meninggalkan tauhid, antaranya seperti yang dipaparkan dalam rajah:

<sup>34</sup> Ibn Kathīr, *Abū al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr bin 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī, Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyāḍ: Dār Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999), 3: 451.

<sup>35</sup> Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim daripada pelbagai jalur riwayat daripada Syu'bah bin al-Hajjāj daripada Abū 'Imrān al-Jawnī daripada Anas bin Mālik r.a. Lafaz hadith adalah menurut al-Bukhārī. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8: 112 (no. hadith 6538) dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4: 2161 (no. hadith 2805).

<sup>36</sup> Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979).

Rajah 1: Faktor Dalaman Yang Mengubah Fitrah



Walaupun manusia telah memeterai perjanjian untuk mentauhidkan Allah s.w.t, namun sikap lalai dan cuai (*al-ghaflah*) telah menjadikan mereka lupa akan hakikat itu.<sup>37</sup> Selain itu, daya khayal dan fantasi serta keinginan kepada sesuatu yang ganjil dan aneh juga menyebabkan manusia cenderung untuk membuat berhala. Menurut Sa’id Ḥawwā, natijahnya, berhala dan patung dibentuk mirip dengan apa yang ada dalam khayalan mereka. Kononnya, itulah rupa tuhan yang disembah.<sup>38</sup>

Menurut Rahmat, S. H, ketika manusia beribadat kepada tuhan, menjadi kesukaran bagi sebahagian manusia untuk menumpukan fikiran tanpa ada suatu “titik perhatian.” Berhala dan patung yang kononnya ‘gambaran tuhan’ telah dibentuk dan ditempa sebagai fungsi kepada “titik perhatian.” Kejadian luar biasa seperti mukjizat dan keramat yang lahir daripada seseorang tokoh juga dianggap sebagai perbuatan ketuhanan. Justeru, timbulah kepercayaan zat Tuhan telah menjelma dalam diri tokoh tersebut, seperti iktikad Yahudi terhadap ‘Uzayr, orang Kristian terhadap Nabi ‘Isa a.s. dan pengikut Buddha terhadap Gautama Buddha.<sup>39</sup>

#### v) *Faktor luaran juga turut mengubah fitrah manusia*

Ajaran Islam turut menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menciptakan manusia dalam *hanifyyah* dan dibekalkan dengan fitrah suci yang memandu mereka untuk mentauhidkan Allah s.w.t. Menurut al-Qafārī, syirik, kesesatan dan penyelewengan akidah mula muncul setelah beberapa abad sejak penciptaan manusia. Walau bagaimanapun, beberapa faktor luaran turut mengalah manusia daripada fitrahnya yang asal.<sup>40</sup>

Menurut ajaran Islam, syaitan adalah faktor utama kepada penyelewengan akidah dalam kalangan manusia. ‘Iyād bin Ḥimār r.a, meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan dalam khutbahnya, bahawa Allah s.w.t. berfirman [hadith *qudsi*]:

وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلَّهُمْ وَإِنَّمَا أَتَتْهُمُ الشَّيَاطِينُ فَأَجْبَتَتْهُمْ عَنِ دِينِهِمْ وَحَرَّقْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَخْلَقْتُ لَهُمْ وَأَمْرَرْتُهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا.

<sup>37</sup> Rujuk QS al-A‘rāf 7: 172

<sup>38</sup> Sa’id Ḥawwa, *Allah SWT: Allāh Jalla Jalāluh*, ter. ‘Abdul Hayyie al-Kattani dan Muhtadi Abdul Mun‘im (Jakarta: Gema Insani Press, 2002), 155.

<sup>39</sup> Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979), 15.

<sup>40</sup> Al-Qafārī, Nasir bin ‘Abd Allah, *al-Mujaz fi al-Adyan wa al-Mazahib al-Mu’asarah* (Riyad: Dar al-Samī’I, 1992).

Terjemahan: Dan sesungguhnya Aku telah jadikan hamba-Ku semuanya suci bersih (dari fahaman dan amalan syirik) serta betul benar menurut keadaan asalnya. Dan sesungguhnya mereka didatangi dan diperdayakan oleh syaitan-syaitan dan mengharamkan kepada mereka apa yang telah Aku halalkan. Dan mereka (syaitan-syaitan) memerintahkan (manusia) supaya menyekutukan-Ku sedangkan sedang Aku tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya).<sup>41</sup>

Dalam pada itu, Rasulullah s.a.w juga menegaskan bahawa setiap bayi dilahirkan dalam keadaan suci di atas fitrah yang asal. Abū Hurayrah r.a, meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُ وَيُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُكَحِّسَانِهِ كَمَا تُنْتَجُ الْبَهِيمَةُ هَيْمَةً  
جَمِيعَهُمْ هُلْ تُحِسِّنُونَ فِيهَا مِنْ جَدْعَاءِ

Terjemahan: Tidak ada bayi yang dilahirkan kecuali ia dilahirkan dalam keadaan fitrah lalu ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani (Kristian) atau Majusi seperti mana seekor haiwan ternakan melahirkan anaknya yang sempurna sifat, adakah kamu rasa akan ada yang akan menjadi cacat dengan sendirinya?<sup>42</sup>

Tafsiran paling tepat kepada pengertian fitrah ialah Islam. Interpretasi kepada fitrah ini adalah bebas daripada kepercayaan batil dan menganut akidah yang sahih. Menurut Ibn Taymiah (1995), hati yang murni umpsama badan yang sihat, manakala penyakit itu adalah sesuatu yang bersifat mendatang. Setelah meriwayatkan hadith di atas, Abū Hurayrah r.a membaca ayat:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ حَنِيفًا فِطَرَ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan : Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; Fitrah Allah (agama Islam) yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan fitrah semula jadinya) untuk menerimanya. Tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu. Itulah agama yang lurus, namun kebanyakan manusia tidak mengetahui. (QA al-Rūm 30: 30 )

Ayat di atas menjelaskan bahawa Islam bukan hasil daripada pergerakan suatu evolusi dalam perkembangan pemikiran dan falsafah manusia berkenaan Tuhan. Menurut Rahmat H. S,

<sup>41</sup> Hadith riwayat Muslim daripada pelbagai jalur riwayat daripada Qatādah daripada Muṭarrif bin ‘Abd Allāh al-Shikhkhīr daripada ‘Iyād bin Ḥimār. Lihat Muslim, *Šaḥīh Muslim*, 4: 2197 (no. hadith 2865).

<sup>42</sup> Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī dengan pelbagai turuq daripada Abū Hurayrah r.a secara *marfū'*. Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini bertaraf *hasan šaḥīh*. Lihat al-Bukhārī, *Saḥīh al-Bukhārī*, 2: 95 (no. hadith 1359), Muslim, *Šaḥīh Muslim*, 4: 2047 (no. hadith 2658), Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, 7: 97 (no. hadith 4714 ), dan al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4: 15 (no. hadith 2138),

Islam adalah suatu naluri yang dibekalkan dalam diri setiap manusia keseluruhannya. Ayat Tersebut menegaskan bahawa hanya Islam agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Fitrah yang dibekalkan itu mencetuskan kehendak dalam diri manusia untuk menganut agama dan menyembah Allah s.w.t. Namun, jika insan itu tidak menggapai jalan Allah s.w.t, dia akan merendahkan dirinya kepada apa jua jenis sembahhan sebagai pelampas desakan dalam dirinya. Ini adalah jawapan mengapa manusia di muka bumi ini memilih untuk beragama.<sup>43</sup>

Menurut al-Khalf, fitrah juga memandu manusia untuk memilih antara dua agama; yang hak dan batil di samping membangkitkan ketenangan dalam jiwa individu yang telah memilih jalan kebenaran.<sup>44</sup> Al-Alūsī memetik kata-kata Anas bin Malik r.a, “Jika manusia itu dibiarkan dengan fitrahnya, mereka sesekali tidak memilih agama lain (melainkan Islam).”<sup>45</sup>

Menurut al-Khalf, hadith ini memberikan suatu sosok yang lebih jelas bahawa ibu bapa atau orang sekeliling memainkan peranan dalam menentukan hala tuju fitrah seseorang, khususnya semasa dia di peringkat awal usia. Pengaruh ibu bapa adalah terkuat dan memberi kesan mendalam kepada fitrah. Ini kerana anak-anak mempunyai pertalian erat dan kebergantungan kepada ibu bapa. Justeru, anak-anak kebiasaannya akan menganut agama yang dianuti oleh ibu bapa mereka.<sup>46</sup>

**vi) Kemunculan pelbagai bentuk syirik dalam kalangan manusia dan perutusan para nabi dan rasul**

Politeisme sama ada dalam bentuk animisme, dinamisme atau penyembahan kuasa alam yang lain terus wujud sejak zaman Nabi Nuh a.s. hingga ke zaman-zaman berikutnya. Allah s.w.t. telah mengutus sejumlah nabi dan rasul untuk mengembalikan manusia kepada fitrah mereka yang asal iaitu Islam. ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-Āṣ r.a. meriwayatkan, Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ نَّبِيٌّ قَبْلِيٌ إِلَّا كَانَ حَقًّا عَلَيْهِ أَنْ يُدْلِلَ أُمَّةً عَلَىٰ خَيْرٍ مَا يَعْلَمُهُ هُنَّ وَيُنذِرُهُمْ شَرًّا مَا  
يَعْلَمُهُ هُنَّ

Terjemahan: Sesungguhnya tiada seorang nabi sebelum saya, melainkan ditugaskan kepadanya untuk menunjukkan segala kebaikan yang diketahuinya, dan memberi amaran tentang sebarang keburukan yang diketahui kepada mereka.<sup>47</sup>

<sup>43</sup> Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979)

<sup>44</sup> Al-Khalf, Su‘ūd bin ‘Abd al-‘Azīz, *Dirāsāt fī al-Adyān al-Yahūdiah wa al-Naṣrāniyah*. (Riydh: Maktabat Aḍwā’ al-Salaf, 1997), 19.

<sup>45</sup> Al-Alūsī, Maḥmud Shukrī al-Baghdādī, *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Ażīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* ed. ‘Ali ‘Abd al-Bārī ‘Atīyyah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 21: 40.

<sup>46</sup> Al-Khalf, Su‘ūd bin ‘Abd al-‘Azīz, *Dirāsāt fī al-Adyān al-Yahūdiah wa al-Naṣrāniyah*. (Riydh: Maktabat Aḍwā’ al-Salaf, 1997), 19.

<sup>47</sup> Hadith riwayat Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah daripada pelbagai jalur riwayat daripada ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd Rabb al-Ka’bah daripada ‘Abdullah bin ‘Amr secara marfū’. Lihat Muslim, *Sahīh Muslim*, 3: 1472 (no. hadith 1844), Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 6: 302 (no. hadith 4248), al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasa’ī*, 7: 152 (no. hadith 4191) dan Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 5: 103 (no. hadith 3956).

Menurut Abū al-‘Abbās al-Qurtubī, hadith di atas menunjukkan bahawa menjadi suatu obligasi bagi setiap nabi untuk memberi nasihat, dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan dakwah dan keterangan. Justeru Allah s.w.t. telah mengutus nabi dan rasul secara berturut-turut (QS al-Mu’minūn 23: 44). Krisis terbesar yang dihadapi oleh para nabi dan rasul ialah perbuatan syirik dan menyembah taghut (QS al-Nahl 16: 36).<sup>48</sup>

Allah s.w.t. menyatakan dalam al-Quran bahawa asal kepercayaan manusia adalah sebagai *ummah wāhidah* iaitu di atas satu akidah tauhid dan hidayah dalam sesuatu tempoh. Kemudian, barulah syirik mula menular dalam segelintir keturunan Nabi Ādam AS. Firman Allah s.w.t:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِّرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحُقْقِ

Terjemahan: Pada mulanya manusia itu adalah umat yang satu (mengikut agama Allah s.w.t yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutus Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar. (QS al-Baqarah 2: 213)

Menurut al-Tābarī dan Ibn Kathīr, majoriti ahli tafsir menyatakan bahawa ayat di atas bermaksud bahawa manusia itu pada asalnya berada dalam tauhid dan hidayah. Selepas itu, muncul dalam kalangan mereka perbuatan syirik dengan menyekutukan Allah s.w.t. dalam bentuk pengagungan kepada orang mati. Lantaran itu, Allah s.w.t telah mengutus para rasul supaya mengembalikan mereka kepada tauhid.<sup>49</sup>

Menurut Rahmat S. H, tidak perlu dihairankan jika didapati generasi manusia awal boleh mengubah kepercayaan asalnya, iaitu tauhid kepada kepercayaan yang bersifat animistik. Sedia maklum bahawa pemikiran dan kebudayaan mereka masih di peringkat sederhana. Sedangkan manusia di zaman macapada ini, berbudaya tinggi dan maju juga boleh menyeleweng daripada agama tauhid ini.<sup>50</sup>

Daripada perbincangan pada bahagian ini, penulis merumuskan bahawa animisme atau syirik bukanlah menjadi kepercayaan terawal bagi manusia. Adam a.s. dan generasi selepasnya mengikut pedoman tauhid, dan berterusan sehingga munculnya syirik pada zaman Nabi Nuh a.s. Hujah dan bukti konklusif daripada hadith Nabawi menjelaskan bahawa zuriat Nabi Adam a.s. telah menyembah Allah s.w.t selama 10 kurun sebelum syirik mula bertumbuh. Perubahan itu adalah kerana pengaruh dalaman manusia dan pengaruh luar di sekeliling mereka.

<sup>48</sup> Al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi ‘li Aḥkām al-Qur’ān* ed. Aḥmad al-Bardūnī (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)

<sup>49</sup> Al-Tābarī, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi ‘al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān* ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (Beirut: al-Muassasah al-Risālah, 2000) dan Ibn Kathīr, Ismā‘il bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyāḍ: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999)

<sup>50</sup> Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979), 13.

## **Penilaian Semula Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu**

Pada bahagian ini, penulis berusaha untuk mengemukakan bahagian buku teks sejarah yang perlu diberikan penelitian dan penilaian semula, dengan mengambil kira data sejarah Islam. Rumusannya adalah seperti berikut:

### **i) *Tidak mengaitkan generasi manusia awal dengan Nabi Adam as***

Sorotan kepada Bab Dua (Zaman Air Batu) dan Bab Tiga (Zaman Prasejarah), didapati tiada sebarang keterangan yang mengaitkan generasi manusia awal dengan Adam a.s. Kesannya, wujud percanggahan kepada watak manusia khususnya Zaman Prasejarah yang digambarkan sangat primitif, tidak pandai menulis, memiliki pengetahuan yang terhad.

Setiap Muslim sedia maklum bahawa Allah s.w.t. telah mengajarkan kepada Adam a.s. pelbagai pengetahuan dan melebihkan baginda berbanding dengan para malaikat seperti yang dijelaskan dalam al-Quran (QS al-Baqarah 2: 31-34), dan wujudnya kemahiran bercucuk tanam dan menternak binatang dalam kisah Qabil dan Habil. Justeru, manusia awal tidaklah begitu primitif seperti yang digambarkan. Menurut Muḥammad Zakariyyā, golongan yang menafikan kewujudan watak Adam a.s., hakikatnya telah dipengaruhi dengan ateisme halus yang bersandarkan teori evolusi penciptaan.<sup>51</sup>

### **ii) *Manusia awal digambarkan tidak memiliki agama, tetapi hanya memiliki kepercayaan yang pramatang, iaitu animisme, khususnya dalam bentuk ancestor worship dan dinamisme***

Buku Teks Sejarah juga menggambarkan manusia pada zaman tersebut tidak mengenal tuhan, tidak memiliki agama dan hanya menyembah kuasa alam.<sup>52</sup> Maka, pernyataan tersebut adalah selari dengan teori evolusi kepercayaan yang dikemukakan oleh sebilangan ahli antropologi Barat. Mereka mendakwa, bahawa manusia pada asalnya tidak mempunyai sebarang pegangan atau agama. Agama muncul setelah berlalu suatu tempoh dan zaman yang lama.<sup>53</sup>

Dakwaan ini sangat bercanggah dengan fakta yang dikemukakan dalam al-Quran dan Sunnah. Manusia awal, bermula Adam a.s. dan generasi berikutnya mengikut fitrah, beragama Islam, dan mentauhidkan Allah s.w.t. Hal ini berterusan sehingga manusia mula terlibat dalam animisme, iaitu *ancestor worship* (penyembahan leluhur) pada zaman Nuh a.s. Al-Qafārī menegaskan bahawa teori ahli antropologi Barat, khususnya berkaitan evolusi kepercayaan, banyak diasaskan di atas landasan andaian dan tekaan semata-mata.<sup>54</sup>

### **iii) *Agama hanya muncul pada zaman terkemudian, diikuti dengan ketamadunan manusia.***

<sup>51</sup> Abū Bakr, Muḥammad Zakariyyā, *al-Shirk fī al-Qadīm wa al-Hadīth* (Riyad: Maktabat al-Rushd, 2001), 181-182.

<sup>52</sup> *Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu*, 57.

<sup>53</sup> Wilson, D. S. Darwin's Cathedral: Evolution, Religion, and the Nature of Society. (University of Chicago Press, 2010)

<sup>54</sup> Al-Qafārī, Nasir bin ‘Abd Allah, *al-Mujaz fī al-Adyan wa al-Mazahib al-Mu’asarah* (Riyad: Dar al-Sami’I, 1992)

Menurut buku teks sejarah, manusia mula melakukan ritual penyembahan pada Zaman Neolitik, dan ia semakin berkembang pada Zaman Logam. Perkara ini seolah-olah mengisyaratkan kepada bermulanya kewujudan agama pada zaman tersebut.<sup>55</sup> Secara tidak langsung, pernyataan itu menepati konsep evolusi kepercayaan yang mula diperkenalkan oleh E.B. Tylor. Menurut Tylor, asas kepada semua agama di dunia ini adalah animisme, dinamisme, seterusnya membentuk kepada penyembahan banyak tuhan iaitu politeisme. Setelah suatu tempoh masa yang lama berlalu, manusia mula mengenali konsep monoteisme atau tauhid dengan menyembah satu kuasa paling agung.<sup>56</sup>

Perspektif Islam dalam hal ini sangat berbeza. Manusia sememangnya telah beragama sejak awal penciptaan mereka. Para nabi dan rasul diutus bersama dengan kitab suci mengajak manusia menyembah Allah s.w.t. Agama yang dibawa oleh mereka adalah sama. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan tentang kewujudan syirik sama ada dalam bentuk animisme, dinamisme, atau agama politeisme. Aspek ini yang boleh dianggap mengalami evolusi yang melahirkan pelbagai agama dan penyembahan pelbagai tuhan.

**iv) *Tiada sebarang pernyataan tentang kebangkitan para nabi dan rasul pada zaman prasejarah***

Antara kekurangan yang terdapat dalam deskripsi tentang kehidupan manusia pada Zaman Prasejarah (Bab Tiga) atau Tamadun Awal Dunia (Bab Empat), tiada sebarang petunjuk tentang kehidupan para nabi dan rasul. Sementara tempoh manusia pada zaman Neolitik dan permulaan kalender Masihi yang merujuk kepada kelahiran Nabi Isa a.s, adalah suatu tempoh yang sangat panjang.

Dalam sejarah Islam, jarak di antara zaman manusia terawal, Nabi Adam a.s. dan Nabi Isa a.s. tidaklah mencelik berjuta-juta tahun. Sekurang-kurangnya, tempoh dia antara kedua-duanya adalah puluhan ribu tahun, iaitu pada Zaman Neolitik. Maka, persoalan paling signifikan, adakah manusia mempunyai induk yang lain selain Nabi Adam a.s? Oleh yang demikian, ia menjurus kepada teori evolusi biologi, khususnya yang melibatkan kejadian spesies manusia.

**v) *Pendalilan dan pembuktian kepada kepercayaan awal hanya berdasarkan penemuan artifak, ekofak dan ideofak.***

Buku teks sejarah mengemukakan pembuktian berkenaan kepercayaan manusia pada Zaman prasejarah berdasarkan penemuan hasil tinggalan sejarah, menerusi ilmu arkeologi. Lukisan pada dinding gua, tempat ritual, batu megalit, kawasan perkuburan dan kaedah pengebumian telah dijadikan bukti bahawa manusia pada zaman tersebut mempercayai animisme, dinamisme, menyembah kuasa alam atau nenek moyang.

Sunnah menegaskan bahawa akal tidak mampu menjangkau peristiwa sejarah yang berlaku ribuan tahun dahulu, melainkan ia mesti dipandu dengan wahyu. Al-Quran (QS Āli ‘Imrān 3: 44, QS Hūd 11: 49 dan QS Yūsuf 12: 102) turut menegaskan bahawa berita-berita tentang umat terdahulu termasuk dalam perkara-perkara ghaib. Menurut Muḥammad Zakariyya, sebahagian ahli sejarah membuat penyelidikan tentang manusia yang hidup beribu-ribu tahun dahulu, yang berada di ruang lingkup mencari sesuatu yang nyata. Tiada metode untuk

<sup>55</sup> Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, 57.

<sup>56</sup> Stuart-Glennie, J. S. (1892). Queries as to Dr. Tylor's Views on Animism. Folklore, 3(3), 289-307.

membongkar hakikat itu melainkan dengan wahyu. Maka, kita mendapati teori yang dihasilkan saling bercanggah dan bertentangan dengan nilai akademik.<sup>57</sup>

Dalam pada itu, metode pengumpulan data yang sama tidak semestinya menghasilkan keputusan yang sama. Sebahagian sarjana Barat lain pula seperti Andrew Lang,<sup>58</sup> Schrader, Fraser Schmidt, Btatzona dan Fu Kart bersetuju dengan monoteisme sebagai permulaan kepercayaan manusia, bukan politeisme atau animisme.<sup>59</sup> Menurut Muhammad Zakariyya, ahli sejarah juga mendapati sesetengah masyarakat manusia langsung tidak menyembah roh nenek moyang atau hantu.<sup>60</sup>

Manakala pembuktian berdasarkan penemuan hasil tinggalan sejarah untuk merujuk kepada keadaan kepercayaan manusia adalah bukti yang tidak konkret. Hal ini kerana tauhid atau penyembahan tuhan satu (monoteisme) tidak dapat direkodkan dengan tulisan, gambar, patung dan tempat ibadat. Justeru, penemuan bahan-bahan tersebut adalah bukti kepada animisme, politeisme atau penyembahan banyak tuhan yang muncul pada zaman terkemudian, seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadith.

Daripada perbincangan lalu, penulis merumuskan bahawa terdapat banyak aspek pendedahan tentang sejarah manusia salam, khususnya yang melibatkan kepercayaan terawal manusia pada Zaman Prasejarah adalah bercanggah dengan Sunnah Nabawi. Aspek-aspek berkenaan boleh dirumuskan secara ikhtisar dan eksplisit seperti berikut:

Jadual 4: Ringkasan Perbandingan Tentang Kepercayaan Terawal Manusia

No.	Aspek	Perspektif	
		Buku Teks Sejarah Tingkatan 1	Islam
1	Watak Nabi Adam a.s.	Tiada	Ada
2	Watak nabi dan rasul	Tiada	Ada
3	Agama Nabi Adam a.s	Tidak dinyatakan	Agama Islam, mentauhidkan Allah
4	Kepercayaan terawal	Animisme, dinamisme, penyembahan kuasa alam.	Agama Islam, mentauhidkan Allah
5	Kemunculan politeisme	Sejak zaman paleolitik	Zaman Nabi Nuh a.s
6	Kemunculan agama	Zaman Neolitik	Sejak Nabi Adam a.s
7	Kepercayaan kepada alam selepas mati	Zaman Logam	Sejak Nabi Adam a.s
8	Pembuktian kepada	Bahan peninggalan sejarah	Wahyu

<sup>57</sup> Abū Bakr, Muḥammad Zakariyyā, *al-Shirk fī al-Qadīm wa al-Hadīth* (Riyāḍ: Maktabat al-Rushd, 2001), 181.

<sup>58</sup> Andrew Lang, *The Making of Religion* (Amerika Syarikat: Start Publishing LLC, 2002).

<sup>59</sup> Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979).

<sup>60</sup> Abū Bakr, Muḥammad Zakariyyā, *al-Shirk fī al-Qadīm wa al-Hadīth* (Riyāḍ: Maktabat al-Rushd, 2001), 195.

kepercayaan terawal	
---------------------	--

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kepercayaan terawal yang wujud dalam kalangan manusia sejak zaman Prasejarah adalah Islam, yang mentauhidkan Allah s.w.t. Penyembahan tuhan satu atau monoteisme adalah lebih awal, berbanding kepercayaan kepada kuasa alam, animisme, dinamisme atau penyembahan roh nenek moyang. Sunnah telah membuktikan bahawa bentuk agama dan kepercayaan manusia yang paling awal ialah tauhid yang tulus iaitu menyembah Allah s.w.t tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu. Penyembahan satu tuhan atau kuasa yang tunggal dinamakan juga sebagai monoteisme. Syirik atau penyembahan banyak tuhan berlaku setelah akidah asal itu dicemari.

Punca kesilapan segelintir ahli sejarah dalam menentukan asal kepercayaan manusia adalah kerana tidak membezakan antara agama yang benar dan mitos-mitos tentang roh, dewa dan sebagainya. Mereka meletakkan Islam sebaris dengan agama-agama lain yang bercampur aduk dengan syirik dan penyembahan banyak tuhan. Penulis menegaskan bahawa Sunnah menafikan animisme sebagai kepercayaan awal manusia, tetapi tidak menafikan kewujudannya dalam umat-umat terdahulu.

## Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa ciri kepercayaan manusia pada zaman prasejarah adalah tauhid dan Islam, bukan berkonseptan penyembahan kuasa atau atau animisme. Tulisan ini juga menegaskan bahawa segala teori yang menunjukkan manusia tidak beragama, tidak mengenal tuhan, animisme atau seumpamanya adalah tidak benar dan bercanggah dengan ajaran Islam. Tulisan ini pada masa yang sama berusaha memperlihatkan kepentingan kajian mendalam tentang sejarah Islam, bersumberkan al-Quran, hadit, khususnya yang berkaitan akidah dan hubungannya dengan sejarah. Oleh yang demikian, diharapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung, sama ada di Kementerian Pelajaran Malaysia atau ahli akademik dapat membuat penelitian semula mengenai buku-buku teks yang berkenaan. Perkara ini penting kerana ia merupakan suatu ijтиhad yang perlu mengambil kira semua data sejarah, sebelum ia dipersembahkan sebagai suatu sukanan pelajaran.

## BIBLIOGRAFI

Abū Bakr, Muḥammad Zakariyyā, *al-Shirk fī al-Qadīm wa al-Hadīth* (Riyāḍ: Maktabat al-Rushd, 2001).

Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwūd* ed. Shu‘ayb al-Arnāūt dan Muḥammad Kāmil Qurrāh (Beirūt: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, 2009)

Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Ahmad bin ‘Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifa, 1960) dan al-Qurṭubī, Muḥammad bin Ahmad, *al-Jāmi‘li Aḥkām al-Qur’ān* ed. Aḥmad al-Bardūnī (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)

Al-Alūsī, Maḥmud Shukrī al-Baghdādī, *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* ed. ‘Ali ‘Abd al-Bārī ‘Atīyyah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994)

Al-Aṭharī, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Ḥamīd, *al-Wajīz fī Aqīdat al-Salaf al-Ṣāliḥ* (Istanbul: Maktabat al-Ghurabā’, 1435 H).

Al-Banna, Hasan. "Aqidah Islam." *Bandung: Al-Ma'arif*(1983), al-Atsari, AA Hamid. *Intisari Aqidah Ahlussunnah wal Jama'ah* (Niaga Swadaya, 2006).

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Ju‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir (t.tp: Dar Tawq al-Najah, 1422 H)

Alexander, Franz G., dan Sheldon T. Selesnick, “The History of Psychiatry: An Evaluation of Psychiatric Thought and Practice from Prehistoric Times to the Present.” (1966).

Al-Ḥākim, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīhayn* ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990)

Al-Kashmīrī, Muḥammad Anwar Shāh, *Fayd al-Bāri ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muḥammad Badr ‘Ālam al-Mīrathī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005)

Al-Khalf, Su‘ūd bin ‘Abd al-‘Azīz, *Dirāsāt fī al-Adyān al-Yahūdiah wa al-Naṣrāniyah*. (Riyādh: Maktabat Aḍwā’ al-Salaf, 1997).

Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu‘ayb, “Sunan al-Nasā’ī” dalam Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah (al-Riyāḍ: Dar al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000).

Al-Qafari, Nasir bin ‘Abd Allah, *al-Mujaz fī al-Adyan wa al-Mazahib al-Mu’asarah* (Riyad: Dar al-Sami’I, 1992).

Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* ed. Aḥmad al-Bardūnī (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964)

Al-Safīrī, Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin Aḥmad al-Šāfi‘ī, *al-Majālis al-Wa’ziyyah fī Sharḥ Aḥādīth Khayr al-Bariyyah mon Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī* ed. Aḥmad Fatiḥ ‘Abd al-Raḥmān (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 1: 62.

Al-Sāmūk, Sa‘dūn Maḥmūd, *Mawsū‘at al-Adyān wa al-Mu’taqadāt al-Qadīmah* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2002).

Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Ali al-Yamanī, *Faṭḥ al-Qadīr* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1994)

Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān* ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (Beirut: al-Muassasah al-Risālah, 2000)

Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb, *al-Mu’jam al-Kabīr* ed. Ḥamdī bin ‘Abd al-Majīd al-Salafī (Mosūl: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Hikam, 1983)

Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā, Muḥammad bin ‘Isā, *Sunan‘ al-Tirmidhī* ed. Bashshar ‘Awwad Ma’ruf (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1998)

Andrew Lang, *The Making of Religion* (Amerika Syarikat: Start Publishing LLC, 2002).

Bird-David, Nurit. ““Animism” Revisited: Personhood, Environment, And Relational Epistemology.” *Current Anthropology* 40, no. S1 (1999)

Brown, Linda A., and William H. Walker. "Prologue: archaeology, animism and non-human agents." *Journal of Archaeological Method and Theory* 15.4 (2008)

Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, cet-2 (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017)

CLIMAP Project Members. "The Surface of the Ice-Age Earth." *Science* (1976)

Edward Burnett Tylor. *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom.* (London: John Murrey, 1871)

Grove, Jean M. *The Little Ice Age.* (London: Routledge, 2012)

Harvey, Graham. *Animism: Respecting The Living World.* (Wakefield Press, 2005)

Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* ed. Shu‘ayb al-Arnauṭ (Beirut: Muassasat al-Risālah, 1993)

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘il bin Kathīr bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyāḍ: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999)

Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* ed. Shu‘ayb al-Arnaut *et. al* (Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiah, 2009)

Ibn Taymiah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm, *Majmū‘al-Fatāwā* (Madinah: Mujammā‘al-Malik Fahd, 1995)

Ibrāhīm Muṣṭafā *et. al.*, *al-Mu’jām al-Wasīt* (Kaherah, Majma’ al-Kughah al-‘Arabiyyah, t.t),

Jaszczolt, Katarzyna. "Discourse, beliefs, and intentions: Semantic defaults and propositional attitude ascription." (1999).

*Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005)

Kvam, K. E., Scheering, L. S., & Ziegler, V. H. (Eds.). *Eve and Adam: Jewish, Christian, and Muslim readings on Genesis and gender.* (Indiana University Press, 1999)

Looft, William R., and Wayne H. Bartz. "Animism Revived." *Psychological Bulletin* 71, no. 1 (1969)

Muslim bin al-Ḥajjāj, Abū Ḥusayn al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (Beirut: Dar Ihya’ al-Turayh al-‘Arabi, t.t)

Rahmat, S. H, *Dari Adam Sampai Muhamad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1979).

Rsheim, Giza. *Animism, Magic, And The Divine King.* Cosimo, Inc., 2005.

Russell, Roger W. "Studies In Animism: II. The Development Of Animism." *The Pedagogical Seminary and Journal of Genetic Psychology* 56, no. 2 (1940)

Sa‘īd Ḥawwa, *Allah SWT: Allāh Jalla Jalāluh*, ter. ‘Abdul Hayyie al-Kattani dan Muhtadi Abdul Mun‘im (Jakarta: Gema Insani Press, 2002)

Stocking Jr, George W. "Animism in Theory and Practice: EB Tylor's Unpublished'Notes on" Spiritualism""." *Man* (1971)

Straus, Lawrence Guy, et al., eds. *Humans at the end of the Ice Age: The archaeology of the Pleistocene-Holocene transition*. Springer Science & Business Media, 1996.

Stuart-Glennie, J. S. (1892). Queries as to Dr. Tylor's Views on Animism. *Folklore*, 3(3)

Wilson, D. S. Darwin's Cathedral: Evolution, Religion, and the Nature of Society. (University of Chicago Press, 2010)

Wobst, H. Martin. "Boundary conditions for Paleolithic social systems: a simulation approach." *American Antiquity* 39, no. 2Part1 (1974)